

Penterjemahan Buku Agama Berbahasa Arab Di Indonesia Dan Malaysia: Kajian Perbandingan

Ummu Hani Abas¹
Mohd Azizul Rahman Zabidin²
Abdul Ghani Md Din³

Abstrak

Kerancangan kegiatan terjemahan buku-buku agama berbahasa Arab di Indonesia dilihat amat ketara berbanding di Malaysia yang hanya mencatat bilangan yang amat sedikit. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah motivasi atau motif yang mendorong kerancangan kegiatan terjemahan terhadap buku-buku agama berbahasa Arab di Indonesia dan apakah faktor yang menyumbang kepada kelambatan terjemahan buku berbahasa Arab di Malaysia. Berdasarkan penelitian yang dibuat, banyak kajian dalam bidang terjemahan melibatkan penterjemahan dari bahasa asing ke bahasa Melayu seperti bahasa Thai-Melayu, Cina-Melayu dan Perancis-Melayu. Manakala kajian terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa melayu amat sedikit. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen-dokumen, artikel-artikel dan kajian-kajian tentang terjemahan buku berbahasa Arab di Indonesia dan Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa motif ideologi dan pendidikan menjadi faktor utama kepada penterjemah di Indonesia untuk terus-menerus melakukan aktiviti terjemahan. Selain itu, motif ekonomi juga turut mendorong penterjemah dan penerbit rancang menterjemahkan dan menerbitkan buku-buku agama. Walau bagaimanapun, di Malaysia terdapat beberapa cabaran dan kekangan yang menyebabkan kelewatan aktiviti terjemahan dan penerbitan buku-buku agama seperti adanya proses penapisan dan kawalan yang ketat terhadap penerbitan buku-buku berbentuk fahaman dan idealogi agama. Selain itu didapati bahawa kegiatan penerbitan lebih tertumpu terhadap hasil penulisan jurnal ilmiah dalam institusi pendidikan berbanding terjemahan buku-buku sehingga menyebabkan aktiviti terjemahan menjadi agak perlahan. Di samping itu berlakunya pengurangan dana dan strategi pemasaran yang lemah turut memberi kesan kepada industri buku negara. Namun begitu, aktiviti terjemahan buku-buku agama tidak harus dipandang sepi. Perhatian serius pelbagai pihak perlu untuk menanggapi masalah-masalah tersebut bagi memastikan karya-karya ulung dunia mampu diterjemahkan dengan baik dan menarik lebih ramai penggiat karya terjemahan menceburi bidang ini.

Kata Kunci: Penterjemahan, buku agama berbahasa Arab, Indonesia, Malaysia.

¹ Dekan, Kulliyah Bahasa Arab, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kuala Ketil, Kedah, Malaysia

² Timbalan Dekan, Kulliyah Bahasa Arab, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kuala Ketil, Kedah, Malaysia

³ Pensyarah Kanan, Kulliyah Bahasa Arab, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kuala Ketil, Kedah, Malaysia

Abstract

The vibrancy of translation of Arabic language religious books in Indonesia is seen as significant compared to Malaysia which only records very few. At this point, the paper sheds a light on translation activity in Malaysia and Indonesia as comparison. This paper intends to identify whether the motivation or motive has a major role behind the great effort of Indonesia to translate the Arabic language religious books and what are the factors contributing to the slowdown of Arabic language translation in Malaysia. Based on the observation, many studies in the field of translation involve the translation of foreign languages into Malay such as Thai-Malay, Chinese-Malay and French-Malay languages but Arabic translation into Malay is very little. This study uses qualitative methods by analyzing documents, articles and studies on translation of Arabic language religious books in Indonesia and Malaysia. The findings show that ideology and education motives are a key factor for translators in Indonesia to continuously conduct translation activities. In addition, economic motives also encourage translators and publishers to quickly translate and publish religious books. In Malaysia, there are some challenges and constraints that contribute to the delays in the translation and publication of religious books, among which are strict censorship and control in the religious ideology. Additionally, publishing activities that are more focused on the results of scientific journal writing in educational institutions rather than translation of books also caused translation activity to be quite slow. Other than that, weak funding and marketing strategies also affect the national book industry. However, the translation activities of religious books should not be looked down upon. Serious attention is needed by some parties to address these issues in order to ensure that the world's finest works are well-translated and attract more translators to engage in these fields.

Keywords: Translation, Arabic religious books, Indonesian, Malaysia.

PENDAHULUAN

Terjemahan dalam dunia tanpa sempadan merupakan satu perkara yang tidak boleh dielakkan. Sektor penterjemahan buku di negara ini pada hakikatnya sangat kecil namun, cabaran dan masalah yang membelenggunya sangat besar sehingga ia memerlukan perhatian serius pelbagai pihak.

Kini jumlah judul buku Bahasa Melayu keluaran tempatan tidak dapat memenuhi permintaan. Oleh itu, Malaysia ialah pengimport buku-buku terbitan Indonesia yang terbesar khususnya buku-buku agama bermutu tinggi yang diterjemahkan daripada bahasa Arab dan diterbitkan di negara itu. Fenomena ini menyumbang kepada lonjakan besar pada pasaran buku terjemahan di Indonesia Terdapat juga usaha-usaha awal daripada beberapa penerbit Malaysia untuk memanfaatkan judul-judul terjemahan Indonesia dalam bentuk edisi Bahasa Melayu (Helmi, 2004). Jika kita terus bergantung kepada buku-buku agama terjemahan Indonesia maka dimensi pemikiran masyarakat di negara kita akan terus tertutup dan dunia terjemahan akan terus dipinggirkan walaupun ia sebenarnya memberikan kesan yang mendalam kepada sesebuah peradaban dan tamadun manusia.

Oleh itu, kajian ini cuba untuk mengkaji apakah faktor yang mendorong kerancakan kegiatan terjemahan buku-buku agama berbahasa Arab di Indonesia. Apakah faktor yang menyebabkan kurangnya terjemahan buku-buku Agama di Malaysia. Itulah persoalan-persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah motivasi atau motif yang mendorong kerancangan kegiatan terjemahan terhadap buku-buku agama berbahasa Arab di Indonesia dan apakah faktor yang menyumbang kepada kelambatan terjemahan buku berbahasa Arab di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpul data daripada dokumen-dokumen, artikel-artikel dan kajian-kajian tentang terjemahan buku berbahasa Arab di Indonesia dan Malaysia serta menganalisis data-data tersebut.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Terjemahan Buku-Buku Agama Berbahasa Arab Di Indonesia

Kegiatan terjemahan terutamanya nas-nas keagamaan yang berasal daripada bahasa Arab telah dilakukan sejak zaman pemerintahan Sultan Iskandaria (1607-1636) di Aceh sebagai pemindahan budaya dan ilmu pengetahuan. Hal ini, telah dikesan dengan penemuan karya-karya terjemahan ulama Indonesia terdahulu (Syihabuddin, 2005). Kegiatan terjemahan ini terus berlanjutan sehingga kini, bahkan semakin rancak. Kita dapat lihat ramai penerbit-penerbit baharu yang muncul dan kedai-kedai buku juga dibanjiri dengan buku-buku terjemahan pelbagai jenis seperti terjemahan Al-Quran, Hadith, tafsir, fekah, aqidah, akhlak, dakwah dan lain-lain.

Berdasarkan data dan maklumat yang diteliti akhirnya kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa hal-hal yang mendorong seseorang atau pihak-pihak tertentu untuk menterjemahkan buku-buku berbahasa Arab terpilih karya ulama Asia Barat di Indonesia seperti motivasi ideology agama, pendidikan dan ekonomi.

1. Ideologi Agama.

Negara Indonesia ialah sebuah negara yang mempunyai penduduk muslim paling ramai di dunia. Hal ini, dapat dilihat daripada data Kementerian Agama Republik Indonesia (KEMENAG RI) yang menunjukkan bahawa sehingga tahun 2016 jumlah penduduk muslim Indonesia mencapai 87,21% iaitu 207.176.16 juta orang (Kementerian Agama RI, 2017). Maka, peratus yang banyak ini pastinya mempunyai kaitan kepada peningkatan bilangan penulis buku-buku agama, penterjemah dan seterusnya penerbit di Indonesia. Aktiviti penerbitan pula menjadi medan dakwah yang penting bagi pendukung ideology pelbagai agama dan fahaman.

Motivasi ideology ini kadang-kadang dapat dikesan hanya dengan melihat kepada luaran buku tersebut, tetapi ada juga yang kelihatan samar-samar. Walaupun kebanyakan penerbit memandang penerbitan buku sebagai suatu bentuk perniagaan, tetapi tidak mustahil terselit visi dan misi tersembunyi yang mengerakkan perniagaan mereka. Namun begitu kecenderungan ideology sesebuah buku dapat dianalisis melalui latar belakang penubuhan penerbitan, nama-nama penulis asli, kecenderungan tema buku terjemahan yang diterbitkan dan sasaran pembacanya (Abdul Munip, 2015).

Melalui penelitian terhadap lambakan buku-buku agama terjemahan Indonesia didapati bahawa kegiatan terjemahannya terlalu bebas sehingga tiada kawalan dan penapisan buku

dibuat sebelum diterbitkan mahupun selepas diterbitkan. Pelbagai fahaman ideologi boleh diterjemahkan dan diterbitkan secara meluas. Hal ini, berlaku kerana rakyat di Indonesia agak bebas menganuti sebarang agama dan berpegang dengan sebarang fahaman yang disukai.

Penerbit-penerbit yang memiliki kecenderungan fahaman Salafi-Wahabi dapat dikenalpasti melalui penerbitan buku-buku terjemahan yang penuh dengan kritikan-kritikan tajam terhadap amalan-amalan bid'ah yang dianggap tidak sesuai dengan ajaran mereka. Nama-nama penulis asli buku yang diterbitkan kebanyakannya ialah penulis atau ulama Saudi Arabia yang berfahaman Wahabi seperti Muhammad bin Abdul Wahhāb, Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim al-Jauziyyah. Lebih daripada empat puluh penerbit yang cenderung kepada fahaman ini seperti penerbit Darul Falah, Darul Haq, Khairul Bayan, Pustaka Ibnu Katsir, Maktabah Salafy Press, Pustaka Adz Dzahabi dan Pustaka Sunnah (Ma'ruf Amin et al, 2013).

Selain itu, penerbit yang cenderung dengan fahaman Syi'ah juga tidak kurang banyaknya. Mereka sering menerbitkan terjemahan karya para ilmuwan Iran seperti Pustaka Zahra, Al-Huda, Lentera, Mizandan lain-lain. Salah satu ciri yang ketara ialah apabila banyaknya buku yang diterbitkan berkisar tentang kecintaan yang mendalam terhadap keluarga Rasulullah terutamanya yang melalui keturunan Fatimah-Ali bin Abi Thalib. Malahan ada yang menyebut bahawa pemilik penerbitan Mizan, Lentera dan Pustaka Zahra adalah keturunan Arab yang termasuk kelompok *habāib* (keturunan Nabi Muhammad S.A.W). Hakikatnya, penerbit Al-Huda secara terang-terangan mengaku membawa misi *tasyyi'* (menyebarkan fahaman Syiah) di Indonesia. Penerbit itu dibiayai oleh Kedutaan Iran sendiri (Abdul Munip 2015).

Manakala sebahagian besar pesantren di Indonesia terutamanya yang terletak di Jawa ialah lembaga pendidikan Islam yang sangat dekat dengan organisasi Nahdlatul Ulama (NU). Bahan pengajaran yang digunakan di pesantren juga sekaligus menunjukkan ciri-ciri fahaman NU itu sendiri. Beberapa penerbit yang menerbitkan buku-buku yang berkecenderungan dengan ideologi NU ialah Al-Maarif, Sinar Baru Algesindo, Toha Putra, Menara Kudus, dan LKiS. Selain itu, daripada katolog penerbit Toha Putra, terdapat beberapa judul kitab terkenal yang selama ini digunakan di pesantren seperti *Fath al-Qarīb*, *Bidāyāt al-Hidāyah*, *Riyadh al-Ṣalihīn*, dan lain-lain. Beberapa buku terjemahan daripada beberapa kitab yang digunakan di pesantren juga diterbitkan oleh penerbit ini samaada yang berbahasa Jawa dengan huruf Arab pegon ataupun yang berbahasa Indonesia dengan menggunakan huruf Latin (Abdul Munip, 2015).

2. Pendidikan.

Penterjemahan buku-buku berbahasa Arab di Indonesia seringkali didorong oleh keinginan penterjemah dan penerbit agar buku terjemahan tersebut dapat dibaca oleh masyarakat Islam yang tidak tahu berbahasa Arab. Pada kebiasaanya, buku-buku berbahasa Arab yang diterjemahkan juga dipilih dengan pertimbangan akan kepentingan buku tersebut kepada calon pembacanya. Di antara buku-buku tersebut ialah buku-buku yang digunakan dalam kurikulum lembaga pendidikan seperti sekolah pondok, sekolah dan perguruan tinggi, dan buku-buku tentang ajaran Islam serta buku-buku yang berunsur pendidikan.

Perkembangan industri penjualan buku pula sangat dipengaruhi oleh tingginya permintaan buku. Kota Malang yang dikenalisebagai Kota Pendidikan kerana memiliki 36 buah universiti, 98 buah sekolah menengah atas, 126 buah sekolah menengah pertama, dan 333

buah sekolah rendah. Perkembangan ini dapat dilihat dari banyaknya kedai buku yang berdiri di Kota Malang iaitu lebih dari 40 buah kedai buku (Doni Alief Nurmansyah, n.d.) .

Tambahan pula, kebanyakan tenaga pengajar di pesantren, madrasah dan di perguruan tinggi umum di Indonesia menggunakan buku-buku Agama berbahasa Arab sebagai buku teks dan buku utama dalam pengajian mereka. Penggunaan yang meluas ini mendorong kepada usaha-usaha bagi menterjemahkan buku-buku tersebut untuk memudahkan para pelajar memahami isi kandungannya dengan lebih mendalam.

Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kitab Hadith merupakan kitab yang paling banyak digunakan di pesantren. Antara kitab Hadith yang digunakan ialah *al-Arba'in al-Nawawiyah*, *Bulūgh al-Marām*, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, *ṣahīḥ al-Bukhāri*, *Sahīḥ Muslim*, *Durrah al-Nāsiḥīn*, *Tajrīd al-Ṣarīḥ*, *Jawāhir al-Bukhāri*, *Tanqī al-Qawl*, *Mukhtār al-Aḥādīth*, *Majālis al-Saniah* dan *'Uṣfūriyyah* (Martin Van Bruinessen, 1999) . Pelajar-pelajar yang belajar di pesantren pada tahun pertama diharapkan mampu menguasai Hadith-Hadith yang berkaitan dengan ilmu tauhid, akhlak dan doa, pada tahun kedua pula menguasai Hadith-Hadith berkaitan dengan zakat, puasa dan ibadah-ibadah lainnya, manakala pada tahun ketiga pelajar perlu menguasai Hadith-Hadith berkaitan mua'malat (Muhd Akil Mohamed Ali et al, 2010).

Oleh itu, tidak hairanlah ramai ulama-ulama Hadith di Indonesia berusaha menterjemah kitab-kitab Hadith ke dalam bahasa Indonesia sejak kurun 17 hingga sekarang seperti kitab *Sharḥ al-Latif 'ala Arba'in Hadithan li al-Imām al-Nawawi* yang diterjemahkan oleh Shaykh Abdurrauf al-Fansuri daripada edisi Arabnya *al-Arba'in* karangan Imam al-Nawawi. Ia merupakan terjemahan pertama dalam bahasa Melayu. Kemudian disusuli dengan terjemahan kitab-kitab lain oleh tokoh-tokoh Hadith terkemuka seperti terjemahan kitab *Bulūgh al-Marām* dan *Muqaddimah 'Ilm Hadīth* yang terjemahkan oleh Hassan bin Ahmad, yang masyhur dengan panggilan Hassan Bandung (Fauzi Deraman, 1997).

Sehingga kini, kita dapati ramai juga para pensyarah daripada Universiti Islam Negeri (UIN) dan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) menterjemahkan buku-buku agama berbahasa Arab pelbagai bidang dari Asia Barat seperti Muchtar Yahya, Zakiah Daradjat, Bustami Abdul Ghani, H.M.Arifin, Syamsuddin Asyrafi, Yudian Wahyudi dan Moch Syarif Hidayatullah (Abdul Munip, 2015).

Yudia Wahyudi, pensyarah Fakultas Syariah di IAIN telah dikenali sebagai penterjemah dan penulis yang produktif kerana beliau telah menterjemah lebih daripada 50 buah buku berbahasa Arab, Inggeris dan Perancis ke dalam bahasa Indonesia. Antara karya-karya ulama Arab yang telah diterjemahkan seperti karya Hasan Hanafi yang berjudul *al-Turāth Wa al-Tajdīd* dengan judul terjemahan Turas dan Tajdid: Sikap Kita Terhadap Turath Klasik, karya Muhammad Qutb yang berjudul *al-Tasawwur Wa al-Thabāt Fi Hayat al-Basyariyyah*, karya Ibrahim Mazkur, Ibn Sina, Abd Al-Baqir Surur, Al-Ghazali, Abbas Aqad dan banyak lagi. Di samping itu, penterjemah juga seringkali ingin memperkenalkan kepada pembaca tentang suatu pemikiran dalam bidang tertentu yang berasal dari para pemikir Asia Barat seperti pemikiran Hasan Hanafi mengenai *Turāth dan Tajdīd* (Abdul Munip, 2015).

Selain itu, terdapat beberapa penterjemah terkemuka dalam kalangan pensyarah dan alumni daripada Fakultas Adab dan Humaniora, UIN Syarif Hidayatullah. Sejak tahun 1997 hingga sekarang, Program Studi (Prodi) tarjamah di bawah Fakultas Adab dan Humaniora itu telah mendapat akreditasi A daripada Badan Akreditasi Nasional Perguruan Tinggi (BAN PT).

Sejak awal penubuhannya hingga kini ramai alumni program ini telah menjadi pensyarah, pegawai diplomatik, penterjemah, penulis, penyunting, wartawan media cetak elektronik, penerbit dan lain-lain (Akreditasi UIN Syarif Hidayatullah, n.d.).

Dr. Moch Syarif Hidayatullah (M.Hum), pensyarah Fakultas Adab dan Humaniora, UIN Syarif Hidayatullah juga merupakan alumni dari beberapa sekolah pondok/Pesantren di Indonesia pernah menterjemah beberapa buku Agama yang masyhur sehingga menjadi rujukan di beberapa kelas pengajian di Indonesia. Antara karya terjemahan beliau ialah Fikih Empat Mazhab Tentang Salah, daripada edisi Arabnya: *al-Fiqh 'ala al-Mazāhib al-Arba'ah* karya al-Jazairi, Ensiklopedia Mukjizat Al-quran dan Hadis (10 jilid, bersama kumpulan) daripada edisi Arabnya *al-I'jaz al-'Ilmi fi al-Quran wa al-Sunnah*, dan Etika Gaul Islami, dari edisi Arabnya *Taisir al-Khallāq*, karya Hafiz Hasan Al-Mas'udi (Academia, n.d.).

Salah satu usaha terpuji yang dapat dilihat di Indonesia bagi menambah bilangan penterjemah di negara itu ialah apabila tertubuhnya sebuah organisasi Himpunan Penterjemah Indonesia (HPI) sejak tahun 5 Februari 1974 di Jakarta. Pada awal penubuhannya sebahagian besar anggota HPI terdiri daripada penterjemah buku. Program kerja organisasi ini tertumpu kepada pencarian projek penterjemahan bagi para anggotanya. Kemudian pada tahun 2000 di bawah kepimpinan Prof. Dr. Benny H. Hoed, HPI meluaskan liputan keanggotaannya dengan memasukkan penterjemah dokumen dan jurubahasa (Sejarah Himpunan Penterjemah Indonesia, n.d.).

Pada kongres XI HPI pada tanggal 30 November 2013, Djoko Rahadi Notowidigdo (Eddie) telah terpilih sebagai Ketua Umum HPI untuk tempoh 2014-2016. Semasa kepimpinan Pak Eddie, HPI mengalami peningkatan yang mengagumkan dalam jumlah anggotanya untuk mencapai lebih dari 1000 penterjemah dan juru bahasa. Dalam tempoh tersebut HPI juga mula menubuhkan komisar (KomDa) serantau (SHPI, n.d.).

Terdapat banyak lagi penterjemah lain yang muncul bagai “cendawan tumbuh selepas hujan” walaupun sebahagian mereka kurang dikenali. Namun begitu, karya terjemahan mereka begitu laris di pasaran Indonesia mahupun luar negara termasuk Malaysia, Brunei dan Singapura. Antara buku-buku Agama terjemahan Indonesia seperti berikut (Terjemah Kitab Kuning, n.d.);

Jadual 1: Antara Buku-Buku Agama Terjemahan Indonesia

Bidang	Buku Edisi Arab	Buku Terjemahan Indonesia	Penerbit
Hadith	<i>Riyād al-Ṣaliḥīn</i> , Karya Imam Nawawi.	Syarah <i>Riyād al-Ṣaliḥīn</i> , Penterjemah: H. Mu'amma; Hamidy dan Drs. Imron A. Manan, Ahmad Sunarto, Drs. Muslich Shabir, MA.	Bina Ilmu, Pustaka Amani, Toha Putra
	<i>Asbāb al-Wurūd</i> , Karya Ibnu Hamzah Al Husaini Al Hanafi Ad Damsyiqi	Latar Belakang Historis Timbulnya Hadits-Hadits Rasul Jilid1, 2 dan 3, Penterjemah: H. M. Suwarta Wijaya, B.A Dan Drs. Zafrullah Salim.	Kalam Mulia

	<i>Minḥat al-Mughits</i> , Karya Asy-Syeikh Hafidz Hasan Al-Mas'udi	Ilmu Musthalah Hadits, Penterjemah : Ibnu Abdullah Al Hasyimi	Mutiara Ilmu
	<i>Hidāyat al-anām bi Syarh Bulūgh al-Marām</i> , Karya Dr. Abdurrasyid Abdul Aziz Salim	Syarah Bulūgh al-Marām , Penterjemah: Achmad Sunarto	Halim Jaya
Tafsir	<i>Mukhtasar Tafsir Ibnu Katsir</i> , Karya Imam Ibnu Katsir	Terjemah Singkat Tafsir <i>Ibnu Katsir</i> Penterjemah : H. Salim Bahreisy Dan H. Said Bahreisy	Bina Ilmu
	<i>Tafsir Al-Quraniladhim</i> , Karya Imam Jalalain	Tafsir Jalālain	Sinar Baru Algensindo
	<i>Al-Itqān Fi 'Ulum al-Qur'an</i> , Karya Imam Jalaluddin As-Suyuthi	Samudera Ulumul Quran (4 Jilid)	Bina Ilmu
	<i>Mabāhis Fi 'Ulum al-Quran</i> , Karya Manna Al Qaththan	Pengantar Studi Ilmu Al Qur'an	Pustaka Al Kautsar
Fiqh & Ilmu Ushul Fiqh	<i>Tārīkh At-Tasyri' Al-Islāmi</i> , Karya Khudhari Beik	Sejarah Pembinaan Hukum Islam, Penterjemah: Drs. Mohammad Zuhri	Pustaka Amani
	<i>Al-Waraqāt</i> , Karya Imam Haramain	Terjemah Waraqat, Kunci Memahami Ushul Fiqih, Penterjemah : H. Mujiburrahman,	Mutiara Ilmu
	<i>Al-Umm</i> , Karya Al-Imam Asy-Syafi'i	Mukhtashar Al Umm Fii Al Fiqih	Menara Kudus
	<i>Al Mabādi Al Fiqhiyyah</i> , Karya Umar Abdul Jabbar.	Terjemah Al Mabādi Al Fiqhiyyah	Pustaka Mampir
	<i>Al-Naṣāih al-Diniyyah Wa al-Waṣaya Al Imāniyyah</i> , Karya Habib Abdullah Haddad	Nasehat Agama & Wasiat Iman	Pustaka Mampir
Tauhid & Tasawwuf	<i>Ādāb al-Ṣuluk al-Murīd</i> , Karya : Asy-Syeikh Abdullah Bin Alawi Al-Haddad	Etika Kaum Sufi, Penterjemah : Achmad Sunarto	Mutiara Ilmu
	<i>Al-ḥuṣunul al-Ḥamidiyyah</i> , Karya Sayid Husain	Ilmu Tauhid (Benteng Iman), Penterjemah : H.M. Fadli Sa'id A-Nadwi	Al Hidayah

Afandi <i>Kifāyat al-‘ Awwām</i> , Karya Syeikh Muhammad Al_Fudhali	Pembahasan Ajaran Tauhid Ahlus Sunnah, Penerjemah : H. Mujiburrahma	Mutiara Ilmu
<i>Ihya‘Ulūmuddin</i> , Karya Al-Imām Al- Ghazāli	<i>Ihya‘Ulūmuddin</i> 9 Jilid	Asy-Syifa
<i>Minhāj al-‘Ābidīn</i> , Karya Al-Imām Al- Ghazāli	<i>Minhāj al-‘Ābidīn</i>	Mutiara Ilmu
<i>Al-Hikām</i> , Karya Asy-Syeikh Ibn 'Athailah As- Sakandari	Mutu Manikam dari Kitab Al Hikam	Mutiara Ilmu

3. Ekonomi.

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Badan Pusat Statistik (BPS) ekonomi Indonesia pada tahun 2016 meningkat 5.02 peratus lebih tinggi daripada pencapaian pada tahun 2015 sebanyak 4.79 peratus. Manakala pada tahun 2017 meningkat 5.07 peratus lebih tinggi dari tahun 2016 (Ekonomi Macro, n.d.).

Menurut Himpunan Penerjemah Indonesia (HPI), mereka amat bersyukur kerana kerajaan Indonesia telah mengiktiraf penterjemah sebagai jabatan fungsional dan juga telah mengeluarkan *Peraturan Menteri Keuangan PMK No. 49 / PMK.02* tahun 2017 berkenaan pindaan kepada *Perubahan Standar Biaya Masukan Tahun Anggaran 2018* yang mengawal Kos Unit Terjemahan dan Menaip. Pindaan ini menjadikan tarif penterjemahan daripada bahasa Indonesia ke bahasa Arab dan sebaliknya sebanyak Rp250.000per halaman. Hal ini, membolehkan penterjemah mengenakan biaya tambahan, baik tambahan yang dimasukkan ke dalam tarif yang ditawarkan mahupun sebagai biaya tambahan terpisah (*surcharge*) seperti penterjemahan dengan waktu yang sangat pendek (*rush order*), penterjemahan naskah berbentuk hukum dan lain-lain (Dina Begum, 2017) .

Ketua Umum Ikatan Penerbit Indonesia (IKAPI) Dewi Lucya Andam(2015) berkata kini terdapat lebih daripada 30,000 judul yang diterbitkan dalam satu tahun daripada ribuan penulis di 34 wilayah di Indonesia. Tambahan pula, Indonesia telah ditetapkan sebagai tetamu kehormat di Pameran Buku Frankfurt yang berprestij pada tahun 2015 (Ikatan penerbit Indonesia, 2015). Badan Ekonomi Kreatif Indonesia (BEKRAF) juga banyak membantu pendanaan untuk penyertaan penerbit buku Indonesia ke pelbagai pesta buku di Frankfurt, London, Beijing, Sharjah dan Bologna, malah penyertaan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2018. Sokongan-sokongan seperti ini pastinya memberi motivasi yang tinggi kepada penulis, penterjemah dan penerbit untuk terus menghasilkan karya sepanjang masa.

Selain itu, daripada sudut motivasi ekonomi yang lain pula, bagi para penerbit terdapat beberapa aspek atau faktor penting yang menyumbang kepada keuntungan perniagaan mereka. Antara aspek-aspek utama yang perlu diambil kira ialah penerbitan buku yang diminati oleh pembaca. Terjemahan buku berbahasa Arab merupakan buku yang menjadi

pilihan para penerbit di Indonesia kerana buku tersebut sudah dikenali dan sudah diketahui calon pembacanya. Tambahan pula, terjemahan dan penerbitan buku berbahasa Arab tidak perlu ada *copyrights* sekaligus dapat mengurangkan kos pengeluaran (Abdul Munip, 2015). Kebanyakan buku-buku karya Asia Barat digunakan dalam pengajian di pesantren, madrasah dan perguruan tinggi. Pelajar-pelajar tentunya memerlukan buku-buku terjemahan untuk memahami isi kandungannya dengan lebih mendalam.

Seterusnya strategi pemasaran dan promosi menjadi perkara yang paling penting untuk dilakukan oleh para pejuang industri penerbitan. Salah satu bentuk promosi untuk memperkenalkan produk buku yang diterbitkannya dengan mengadakan pameran bukuseperti *Islamic Book Fair* seperti yang sering dianjurkan oleh IKAPI. Semasa pameran tersebut, penerbit mengeluarkan katalog buku lengkap dengan harganya bagi memudahkan pembaca mengetahui senarai buku-buku dijual. Selain itu penerbit juga boleh mempromosikan buku denganmengajukan “Bedah Buku”. Penerbit Gema Insani Press (GIP) adalah salah satu penerbit yang kerap menjalankan bedah buku dalam beberapa pameran buku Islam. Pada 14 November 2003, Kedai Buku Gunung Agung juga mengadakan bedah buku yang berjudul *La Tahzan* oleh Dr. `Aidh al-Qarnī. Samson Rahman, MA, yang merupakan penterjemah buku tersebut juga turut hadir sebagai penceramah semasa bedah buku diadakan. Buku terjemahan *La Tahzan* ini mula diterbitkan oleh Penerbit Qisthi Press dan telah membuat ulang cetak ke-18 bermula pada bulan September 2003 sehingga bulan Mac 2005. Kini, buku tersebut telah terjual puluhan ribu naskhah. Buku tersebut telah mencipta suatu fenomena buku *best seller* yang menakjubkan (Abdul Munip, 2015).

Di samping itu, telah membentuk Kelompok Pembaca Buku (KPB) Gema Insani untuk memberi layanan terbaik kepada para pencinta buku Gema Insani dengan menyediakan kemudahan istimewa, seperti maklumat mengenai produk terkini, penghantaran percuma, dan diskaun yang banyak. Jumlah anggota KPB Gema Insani telah mencapai 9,000 orang dan terus menerima pendaftaran anggota baru (Penerbit Gema Insani, n.d.). Kini, penerbit ini menubuhkan lagi komuniti baru yang diadaptasi dari (KPB) iaitu Sahabat Gema Insani (SGI). Anggota SGI bukan sahaja berpeluang mendapatkan 40% diskaun dari setiap pembelian, malah diberi bimbingan berkala untuk mempromosi buku-buku terbitan Gema Insani. Penerbit ini juga membuka perkhidmatan Short Message Service (SMS) dengan menghantar SMS ke nombor 081586868686. Pelanggan dapat mengetahui tentang penerbit dan maklumat buku-buku yang diterbitkan. Selain itu, tidak terkecuali juga penekanan yang diberikan terhadap seni reka grafik dan kualiti kulit buku yang berjaya menarik minat pembaca untuk memilih buku terbitan GIP Press. Maka tidak hairanlah apabila penerbit ini pernah memenangi beberapa anugerah buku terbaik seperti Reka Bentuk Kulit Buku Terbaik untuk buku bukan fiksi di Pameran Buku IKAPI 1992/1993, Pemenang Ke-2 Penerbitan Buku Bukan Fiksi di Pameran Buku IKAPI (Persatuan Penerbit Indonesia) '92 di Jakarta, dan Pemenang Ke-3 Buku Terjemahan Terbaik untuk buku Hijrah Dalam Pandangan Al-Qur'an (Dedi Sulaiman Rambe, 2007).

Terjemahan Buku-Buku Agama Berbahasa Arab Di Malaysia.

Kegiatan penterjemahan secara rasmi di Malaysia berlaku semasa zaman penjajahan iaitu selepas pembukaan Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim, Perak. Pegawai Inggeris O.T. Dusseck telah memohon kebenaran untuk menubuhkan “Badan Menterjemah” pada tahun 1924 yang ditukarkan nama menjadi

Pejabat Karang Mengarang (PKM). Antara aktiviti yang terawal dilakukan oleh jabatan ini ialah menulis, menterjemah dan menyunting buku pelajaran dan novel (Faizal Sidik, 2016).

Manakala, sejarah perkembangan penerbitan buku Melayu di Malaysia pula bemula sejak penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 22 Jun 1956 (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.). Bagi melaksanakan program penerbitannya, DBP memberikan penekanan dan penelitian yang sama rata terhadap kuantiti dan kualiti sesuatu judul. Penilaian terhadap sesuatu judul dibuat oleh tenaga dalaman dan pakar luar sebelum ia diterbitkan. Malah, ada judul yang dinilai melebihi sekali oleh pakar luar bagi memastikan mutu dan kualiti kandungan buku yang akan diterbitkan terjamin. Selain menerbitkan buku karya asli, DBP juga mengambil inisiatif menterjemah dan mengadaptasi beberapa karya besar ke dalam bahasa Melayu bagi menyebarkan ilmu secara lebih meluas termasuk karya berbahasa Arab dari Asia Barat.

Walau bagaimanapun, usaha ini diperlahankan setelah kewujudan Institut Terjemahan Negara pada tahun 1994 yang kini bernama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) (Abd Khalik bin Sulaiman et al, 2016). Sejak penubuhannya 25 tahun lalu, ITBM telah melahirkan 8,446 penterjemah buku pelbagai bahasa menerusi beberapa latihan dan kursus terjemahan. Walaubagaimapun, sehingga kini hanya sebanyak 2,081 judul sahaja yang diterjemahkan ke pelbagai bahasa dan hanya 1,115 judul sahaja daripadanya yang telah diterjemahkan daripada pelbagai bahasa dalam bahasa Melayu. Buku berbahasa Inggeris ialah bahasa yang paling banyak diterjemahkan ke bahasa Melayu iaitu sebanyak 1,080 judul, diikuti bahasa Mandarin (21 judul), bahasa Perancis (6 judul), bahasa Jepun (4 judul) dan bahasa-bahasa lain (Abdul Aziz Itar 2018: 20). Berdasarkan data yang diperolehi daripada ITBM ini jelaslah bahawa baki empat judul daripada 1,115 judul ini kemungkinan daripada buku berbahasa Arab dan bahasa lain.

Berdasarkan angka ini, kita perlu akui bahawa negara Malaysia masih jauh ketinggalan dalam industri terjemahan buku-buku Agama berbahasa Arab jika dibandingkan dengan negara jiran. Berdasarkan pemerhatian dan pembacaan, didapati terdapat beberapa faktor yang memperlahankan industri penerbitan dan terjemahan buku berbahasa Arab di Malaysia. Antara faktor tersebut seperti berikut:

1. Ideologi Agama.

Jumlah penerbitan buku menjadi kayu ukur kepada kemajuan sesebuah negara. Namun begitu, Malaysia masih belum maju dalam industri penterjemahan dan penerbitan buku berikutan kawalan dan penapisan bahan cetak dan terbitan yang agak ketat jika dibandingkan dengan Indonesia yang agak bebas menterjemah dan menerbitkan buku pelbagai ideologi agama.

Garis panduan penerbitan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan dikuatkuasakan pada 2 Februari 2017. Menurut Akta 301, Bahagian II, Seksyen 8 dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, “mana-mana pihak yang mencetak, mengimport, menghasilkan, menghasilkan semula, menerbit, menjual, mengeluarkan, mengeliling, menawarkan untuk dijual, mengedar atau memiliki penerbitan larangan melakukan kesalahan. Jika sabit kesalahan boleh dikenakan tindakan penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM 20,000 atau kedua-duanya sekali. Antara sebab sekatan dan pengharaman sesuatu penerbitan dan pengedarannya adalah kerana dipercayai dapat mengancam keselamatan dan ketenteraman awam (Kementerian Dalam Negeri, 2017).

Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga mengeluarkan garis panduan penapisan bahan-bahan penerbitan berunsur Islam. Antara perkara-perkara yang dilarang dalam penerbitan berunsur Islam ialah bahan yang mengandungi perkara yang menyentuh kesucian Islam, mempropagandakan akidah, hukum dan ajaran yang bercanggah dengan Mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah, mempersendakan dan mempersoalkan kewibawaan sumber hukum Islam yang utama, iaitu al-Quran, Sunnah, Ijma dan Qias (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015).

Antara buku yang pernah diwartakan haram oleh Kementerian Dalam Negeri pada 2014 ialah buku berjudul 'Akhirnya Ku Temui Kebenaran' penulis Dr. Muhammad Al-Tijani Al-Samawi yang diterjemahan oleh Kumpulan Pengajian Islam UIAM, dan buku terbitan MizanMedia Utama (MMU) yang berjudul 'Lentera Ilahi: 99 Wasiat Imam Ja'far Ash-Shadiq' terjemahan Rahmani Astuti. Pada tahun 2012. Selain itu, tiga buku turut diharamkan penjualannya di Malaysia kerana dianggap menyebarkan fahaman Syiah. Buku tersebut berjudul "Pengantar Ilmu-Ilmu Islam", "Dialog Sunnah Syi'ah" dan "Tafsir Sufi al-Fatihah". Buku-buku karya Murtadha Muthahhari, A. Syarafuddin Al-Musawi dan Jalaludin Rakhmat dari Indonesia itu diharamkan oleh KDN sejak awal Mac 2012 (Kementerian Dalam Negeri, n.d.). Kerajaan Malaysia sehingga kini masih memandang serius penyebaran ajaran Syiah di negara ini kerana ajaran tersebut bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sesebuah buku wajar diharamkan jika ia benar-benar terbukti bercanggah dengan al-Qurandan Sunnah serta boleh mengelirukan umat Islam. Namun begitu, pengharaman tersebut mestilah disertai dengan alasan dan penerangan yang jelas supaya tidak menimbulkan kemarahan dan persepsi yang buruk kepada pihak tertentu. Buku juga tidak harus diharamkan hanya untuk melindungi kepentingan politik atau golongan tertentu.

2. Pendidikan.

Penggunaan buku-buku berbahasa Arab di Malaysia masih digunakan sehingga kini di beberapa sekolah-sekolah pondok, madrasah dan sebilangan kecil Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Kebanyakan masjid dan surau juga semakin aktif menyusun kelas pengajian kitab kuning (lama) dan kitab baru karya penulis Asia Barat. Namun begitu, terdapat dalam kalangan ustaz-ustaz dan pelajar-pelajar yang suka merujuk kitab terjemahan Indonesia bagi memudahkan mereka memahami isi kandungan kitab tersebut walaupun terdapat sedikit perbezaan daripada segi bahasanya. Senario ini terjadi mungkin disebabkan oleh kekurangan buku agama terjemahan Melayu di Malaysia.

Tambahan pula, Pensyarah-pensyarah IPT di Malaysia pada masa kini dilihat lebih menumpukan penerbitan jurnal ilmiah dan penulisan asli buku akademik berbanding terjemahan buku bagi tujuan mencapai *Key Performance Indicators* (KPI) yang cemerlang dan kenaikan pangkat. Gabungan antara KPI ahli akademik dan *Malaysia Research Assessment* (MyRA) menjadi asas bagi menentukan prestasi sesebuah universiti (Ibrahim Komoo, 2017). Oleh yang demikian, kita dapati prestasi penerbitan jurnal bagi negara Malaysia semakin meningkat dari tahun ke tahun. Malaysia tetap unggul dengan jumlah jurnalnya yang banyak jika dibandingkan dengan negara-negara jiran yang lain. Statistik penerbitan jurnal antarabangsa antara Malaysia dan Indonesia yang diolah daripada sumber *Scimago Journal Rankings* (SJR) menunjukkan bahawa pada tahun 2012, Malaysia berjaya menerbitkan jurnal bertaraf antarabangsa sebanyak 22,563, diikuti tahun 2014 sebanyak

28,337 dan tahun 2016 sebanyak 28,546 berbanding Indonesia yang hanya mencatat bilangan tertingginya sehingga tahun 2016 iaitu sebanyak 11,740.

Kementerian Pengajian Tinggi menyediakan pelbagai geran penyelidikan bagi menggalakan lagi ahli akademik menulis dan menerbitkan jurnal ilmiah setiap tahun. Antaranya Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS), Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS). Terdapat banyak universiti awam mahupun swasta di Malaysia juga memberikan sokongan melalui geran penyelidikan yang ditetapkan oleh universiti masing-masing demi meningkatkan penerbitan jurnal ilmiah setiap tahun.

3. Ekonomi.

Pertubuhan Pendidikan, Saintifik Dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (UNESCO) menetapkan bahawa untuk menjadi negara maju, skala penerbitan buku perlu dalam jumlah 0.1 peratus daripada jumlah rakyat sesebuah negara. Maka, untuk diklasifikasikan sebagai negara maju. Malangnya, negara masih kekurangan kira-kira 12,000 judul baharu setahun untuk diterbitkan (Hafizah Iszahanid, 2015). Lebih sadis lagi apabila dana perpustakaan yang diperuntukkan oleh kerajaan semakin berkurangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Dr Mohamad Saleeh Rahamad berkata "Masalah ketiadaan dana untuk perpustakaan membeli buku akan menyebabkan masalah yang berangkai. Tanpa pasaran, penerbit akan menghentikan penerbitan, kemudian penulis pula berhenti menulis dan ini tentunya akan menyebabkan gerakan membudayakan ilmu terhenti." (Siti Haliza Yusop, 2017).

Beberapa rangkaian Kedai Buku 1Malaysia (KB1M) yang diilhamkan Bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pula sudah memberhentikan operasinya. Antaranya cawangan KB1M yang bertempat di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Alor Setar Kedah, UTC Ipoh Perak dan UTC Gong Badak Terengganu. Hal ini, juga membuktikan bahawa industri penerbitan buku semakin terancam.

Para penerbit, penulis, penterjemah, pemilik kedai buku mempunyai peranan yang penting dalam penjualan buku yang diterbitkan. Selain menentukan harga yang mampu milik dan keuntungan yang diperolehi, mereka juga perlu bekerjasama dalam menyusun strategi bagi memasarkan buku-buku supaya dikenali ramai. Kebanyakan penerbit dan pemilik kedai hanya mempromosikan buku-buku di pameran buku dan pasar raya sahaja. Jarang kita lihat kegiatan bedah buku dilakukan oleh penerbit, penulis dan penterjemah seperti yang dilakukan di Indonesia. Apatah lagi mempromosikan buku melalui media seperti televisyen, radio, surat khabar, majalah dan lain-lain.

Kadang-kala sikap para petugasdi kedai-kedai buku yang tidak pandai dan ramah melayani para pelanggan juga menjadi sebab penjualan buku merudum. Kemungkinan juga mereka tidak diberi latihan cara melayan dan mempromosikan buku-buku yang dipamerkan. Tidak seperti pekerja dikebanyakan premis perniagaan seperti kedai pakaian dan kasut yang sentiasa bermanis muka dan ringan mulut melayan pelanggan dari saat kita masuk ke kedai hingga keluar kedai. Mereka juga bijak mempromosikan barangan sehingga mampu menarik minat pelanggan untuk membeli barangan di kedai mereka. Situasinya berbeza dikebanyakan kedai buku di Malaysia. Kita jarang disapa dan dilayan oleh petugas yang bertanggungjawab memperkenalkan buku-buku kepada pelanggan. Kita dibiarkan berpusing-pusing mencari buku sendiri dan membelek sendiri sehingga mengambil masa yang lama untuk memilih

buku. Maka tidak hairanlah jika rakyat Malaysia lebih gemar membeli buku secara atas talian atau membaca *e-book* yang dianggap lebih murah, cepat dan mudah.

Kesimpulan

Terjemahan buku agama berbahasa Arab membantu penumbuhan industri penerbitan di Indonesia. Percambahan pesantren, madrasah dan perguruan tinggi Islam menyumbang kepada kerancakkan aktiviti terjemahan buku-buku agama. Sokongan yang diberikan oleh pemerintah serta kebijakan para penerbit dan pemilik kedai buku dalam melancarkan strategi pemasaran juga membantu meningkatkan penjualan buku terjemahan. Perkara yang turut menjayakan usaha tersebut ialah sifat keterbukaan masyarakat dalam menerima dan menerbitkan buku terjemahan dari pelbagai fahaman dan ideologi agama. Adapun Malaysia terdapat beberapa kekangan dan masalah yang memperlambatkan kegiatan terjemahan dan penerbitan buku-buku agama. Antara Faktor utamanya ialah proses penapisan dan kawalan yang ketat terhadap bahan cetakan yang berunsur fahaman agama. Pelaksanaan sistem KPI dan MYRA juga menyebabkan ahli akademik lebih menumpukan penerbitan jurnal ilmiah dan penulisan asli buku akademik berbanding terjemahan. Faktor kekurangan peruntukan dana dan kelemahan strategi pemasaran juga menyebabkan lemahnya penjualan buku di pasaran. Walaubagaimanapun, hal ini tidak bermakna Malaysia patut mencontohi atau mengikut semua jejak langkah Indonesia kerana terdapat perkara yang perlu dititik beratkan dalam setiap proses terjemahan dan penerbitan sesuatu judul terutama judul yang berbentuk keagamaan. Namun, pada masa yang sama Malaysia perlu menyusun strategi bagi menambah bilangan penterjemah buku berbahasa Arab dan penerbitan buku serta memberi galakan dan pelbagai sokongan yang difikirkan perlu kepada penulis, penterjemah, penerbit dan pembaca.

Rujukan

- Amin, Ma'ruf, Yunahar Ilyas, Ichwan Sam & Amirsyah. (2013). *Mengenal & Mewaspada! Peyimpangan Syiah Di Indonesia*. Jakarta, Indonesia, Gema Insani. pp. 105-106.
- Begum, Dina. (2017, Nov 27). Acuan Tarif Penerjemahan. Diambil dari <https://www.hpi.or.id/acuan-tarif-penerjemahan>
- Bruinessen, Martin Van. (1999). *Kitab Kuning Pesantren dan Tarikat*, Jakarta, Indonesia: Penerbit Mizan. p. 161.
- Dedi Sulaiman Rambe. (2007). *Analisis Strategi Pemasaran Buku-Buku Islam Pada CV. Gema Insani Press*. Institut Pertanian Bogor. Bogor, Indonesia . pp. 31-32.
- Deraman, Fauzi. (1997) *Kedudukan Hadith dalam kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Shaykh Daud Bin Abdullah Al-Fataniy*. Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. p. 44.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2018, Okt 10) Profil. Diambil dari <http://lamanweb.dbp.gov.my/index.php/pages/view/2?mid=22>.
- Himpunan Penterjemah Indonesia. (n.d.). Sejarah. Diambil dari <https://www.hpi.or.id/sejarah>
- Ikatan penerbit Indonesia, *Industri Penerbitan Buku Indonesia, Dalam Data Dan Fakta*, Indonesia, IKAPI, 2015, v.
- Indonesia. Kementerian Agama Republik Indonesia. 2017. *Kementerian Agama RI Dalam Angka 2016*. Perpustakaan Nasional, 2017, 49.
- Iszahanid, Hafizah. "Sasaran 30,000 Judul Buku Setahun Belum Dicapai," *Berita Harian*, 25 Ogos 2015, <https://www.bharian.com.my/node/77174>

Itar, Abdul Aziz, "ITBM Lahirkan 8,446 Penterjemah Buku," *Mingguan Malaysia*, 20 Ogos 2108, 20.

Jabatan Peguam Negara. "Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984," dicapai pada 8 Oktober 2018.

http://www.agc.gov.my/agcportal/index.php?r=portal2/lom&menu_id=b21XYmExVUHFOE4wempZdE1vNUVKdz09.

Komoo, Ibrahim, "KPI, MyRA Nilai Prestasi Universiti," *Berita Harian*, 27 Julai 2017, dicapai 20 Oktober 2018.

Malaysia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam*, bil 3, 2015.

Malaysia. Kementerian Dalam Negeri, Bahagian Penerbitan dan Teks Al-Quran, *Garis Panduan Penerbitan Di Bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984*.

http://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/PQ/Garis_Panduan_Penerbitan_2017.pdf

Malaysia. Kementerian Dalam Negeri, *Senarai Perintah Larangan*, dicapai pada 20 Oktober 2018, <https://epq.kdn.gov.my/e-pq/index.php?mod=public&opt=pl>

Mohamed Ali, Muhd Akil, Mohd Faizulamri Mohd Saad dan Azhariah Zulkarnaini, *Perkembangan Pengajian Hadith di Riau, Indonesia, Prosiding Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu*, Oktober 2010, 121. <http://www.ukm.my/hadhari/publication/prosiding-seminar-serantau-ilmuan-hadith-dalam-peradaban-di-alam-melayu/>

Munip, Abdul. "Motivasi Penerjemahan Buku Berbahasa Arab," *Al-Mahara*, Vol.1, No.1, 2015, 88-103.

Nurmansyah, Doni Alief. "Pengaruh *Customer Satisfaction* Dan *Switching Barriers* Terhadap *Customer Loyalty* (Studi pada Toko Buku Togamas Malang)," *Fakultas Ekonomi dan Bisnis, Universitas Brawijaya Malang*, 2.

Penerbit Gema Insani. "Penerbit buku islam kelompok pembaca buku gema insani", dicapai pada 23 September 2018, <https://www.antorij.com/549/39/26/penerbit-buku-islam-kelompok-pembaca-buku-gema-insani.htm>

Pengerusi Dewan Industri Buku Malaysia, Presiden Persatuan Penerbit Buku Malaysia, "Reformasi Segera Industri Buku Malaysia," *Berita Harian*, 23 Mei 2018.

Sidik, Faizal. 2016. "Penilaian dan Kualiti Terjemahan di Malaysia: ITBN, Dermaga Seni dan SDI Media," *Blog*, 3 Mei 2016, <http://faizalsidik.blogspot.com/2016/05/penilaian-dan-kualiti-terjemahan-di.html>.

Syihabuddin, *Penerjemahan Arab-Indonesia*, Bandung, Humaniora, 2005, 7.

Sulaiman, Abd Khalik, Noriyani Yusoff, Suryani Zakaria dan Siti Maizatul Rozihani Ikhsan. 2016. "Penerbitan Buku Agama Dan Tamadun Islam: Sorotan Pengalaman Dan Peranan Dewan Bahasa Dan Pustaka," *Blog*, 2016.

<http://ypbn.my/ms/blog/2016/12/penerbitan-buku-agama-dan-tamadun-islam-sorotan-pengalaman-dan-peranan-dewan-bahasa-dan-pustaka/>

Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah. "Akreditasi: Status Akreditasi semua program," dicapai pada 6 September 2018, <http://fah.uinjkt.ac.id/akreditasi/>.

Yusop, Siti Haliza, "Pengurangan Dana Buku Bantut Budaya Ilmu," *Berita Harian*, 15 Februari 2017.